

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengadakan semula Program Satu Komuniti Satu JPJ (SKSJ) di kawasan luar bandar kerana program ini telah banyak membantu masyarakat luar bandar untuk mendapatkan lesen memandu. Masalah kekangan pergerakan semasa PKP telah menyulitkan masyarakat luar bandar untuk mendapatkan lesen memandu, termasuk penduduk Parlimen Tanjong Manis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan telah mengumumkan inisiatif Bantuan Lesen Memandu Prihatin (BLMP) yang antara lain bertujuan meringankan beban kewangan golongan yang tidak berkemampuan terutamanya di kawalan luar bandar dan pedalaman untuk memperolehi lesen memandu kelas motosikal B2. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada golongan ini mengenai peraturan dan aspek keselamatan jalan raya melalui kehadiran ke sesi kelas, latihan dan ujian seterusnya membantu golongan-golongan

NO. SOALAN: 7

ini untuk mencari peluang-peluang pekerjaan setelah memperolehi lesen memandu kelak.

Untuk makluman, pelaksanaan program ini hanya diperuntukkan kepada permohonan yang diterima daripada pihak-pihak yang berikut:-

- (i) agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan masyarakat;
- (ii) agensi yang bertanggungjawab dalam menyelaras sumbangan bantuan Kerajaan kepada masyarakat; atau
- (iii) pemimpin masyarakat yang dilantik atau diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyuarakan hasrat masyarakat.

Program ini memfokuskan kepada golongan B40 warganegara Malaysia, berusia 16 tahun ke atas di seluruh Malaysia yang belum memiliki lesen memandu motosikal kelas B2. Individu yang berminat akan dikehendaki menjalani program ini selama 3 hingga 5 bulan dengan kerjasama Institut Memandu di seluruh Malaysia bagi tujuan sesi latihan, kelas dan ujian.

Oleh itu, bagi tujuan pelaksanaan program ini, permohonan boleh dikemukakan kepada Pejabat JPJ yang terdekat termasuk melibatkan kawasan Parlimen Tanjong Manis.